

A. Gariskan kata yang betul.

- 1 (Dia, Beliau) tokoh yang terkenal dalam bidang perubatan.
- 2 "Cikgu Shikin meminta (kalian, mereka) menghadiri latihan sukan pada petang ini." kata Vanesh kepada Hisham dan Su Teck.
- 3 Pada cuti semester yang lalu kami tidak pergi ke (siapa-siapa, mana-mana).
- 4 (Mana, Apa)kah bahan-bahan yang digunakan untuk membuat cucur udang?
- 5 "Pameran yang sedang kita kunjungi (ini, itu) ialah pameran seni lukis." kata ibu kepada adik.
- 6 "Izinkan (patik, hamba) pergi menyiasat perkara itu, tuanku," sembah bendahara kepada Sultan Abdullah.

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Keputusan itu dibuat tanpa desakan daripada apa-apa pihak.

- 2 Apakah guru yang mengajarkan subjek bahasa Melayu di sekolah ini?

- 3 Ayah sering menasihati kamu supaya belajar dengan sungguh-sungguh.

- 4 Siapa yang tidak menghadiri kelas tambahan perlu mengemukakan surat tunjuk sebab.

- 5 Kami sepatutnya menjaga kebersihan alam sekitar supaya tidak tercemar.

- 6 Sumbangan itu akan diberikan kepada mereka-mereka yang kurang berkemampuan.

- 7 "Saya harap kalian suka akan hadiah ini," kata Erica kepada Salwa.

- 8 "Hamba dititahkan oleh beliau supaya menjemput tuan hamba ke istana," kata hulubalang itu kepada laksamana.

[16 markah]